

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

KENYATAAN TENDER

1. Tender dipelawa kepada syarikat tempatan yang memiliki **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** di bawah kod bidang dan sub-bidang yang dinyatakan yang masih sah dan berkuatkuasa serta berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** bagi menyertai Tender berikut :-

NO. KONTRAK	TAJUK TENDER	BIDANG PENDAFTARAN & SYARAT KELAYAKAN	SESI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	DOKUMEN TENDER	TARIKH TUTUP TENDER
PBBPP/PP/T4/2026	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN DI STESEN BAWAH, TENGAH, ATAS, ASTAKA SEMENTARA DAN GALERI EDGECLIFF BUKIT BENDERA PULAU PINANG UNTUK PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG.	Berdaftar dengan: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) di bawah Kod Bidang: 221001 dan 221002 dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) yang masih sah dan berstatus "PATUH"	Kehadiran: Diwajibkan Taklimat: Bilik Mutiara, Stesen Bawah, Bukit Bendera, Pulau Pinang Tarikh: 27 Ogos 2026 (Khamis) Masa: 10.00 Pagi (Kaunter pendaftaran dibuka pada jam 9.15 Pagi)	Harga: RM100.00 Dokumen boleh dimuat turun dalam Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)	17 September 2026 (Khamis) 12.00 Tengah Hari Lokasi Penghantaran: Peti Sebut harga, Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.

2. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri **SESI TAKLIMAT** dan **LAWATAN TAPAK** pada tarikh, masa dan alamat seperti di atas. Hanya penama di dalam Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan (**MOF**) sahaja yang layak menghadiri sesi lawatan tapak. Surat perwakilan kuasa adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan Salinan (tidak akan dikembalikan) bagi **SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)** dan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** di bawah kod bidang yang dinyatakan yang masih sah tempohnya semasa lawatan tapak.
3. Kontraktor yang hadir sesi taklimat hendaklah mematuhi semua peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Akta KKP 1994) dan polisi keselamatan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP).
4. Dokumen Tender boleh dibeli melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP). Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat: Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup Tender. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
5. Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang mempengaruhi kedudukan petender akan menyebabkan Tender tersebut 'ditolak serta merta'. Pihak Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima semua tawaran atau sebahagiannya atau mana-mana tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran Tender. Segala kos penyediaan tawaran Tender ditanggung oleh kontraktor.
6. Keterangan lanjut boleh dihubungi di talian **04-828 8880 (ext: 305/327)/012-792 3088** serta di laman web berikut <http://ep.penang.gov.my/> & <http://www.penanghill.gov.my/>